

26 APR 1998

Mahathir-Sukma

RAKYAT MESTI SANGGUP MENGHADAPI CABARAN, BAHKAN BAHAYA, KATA MAHATHIR

SHAH ALAM, 26 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata rakyat Malaysia mesti sanggup menghadapi cabaran, bahkan bahaya, untuk menunjukkan bahawa mereka adalah bangsa yang merdeka dan sanggup bersaing dengan sesiapa sahaja untuk mencapai matlamat.

Beliau berkata sehubungan itu, apa sahaja kegiatan sihat secara individu atau berkumpulan yang dapat memberikan semangat perjuangan perlu digalakkan.

"Kerana itulah kejayaan penerjun negara menakluki Khutub Utara dan kejayaan kereta Proton dihidupkan enginnya setelah diterjunkan, dianggap sebagai satu rekod bagi kita walaupun ia tidak diisytiharkan oleh orang lain," katanya semasa menutup kejohanan sukan terbesar negara SUKMA ketujuh di stadium tertutup Shah Alam di sini.

Perdana Menteri berkata dalam kegawatan ekonomi sekarang Malaysia memerlukan apa juga kejayaan yang boleh meningkatkan semangat rakyat dan negara untuk berdiri menghadapi cabaran.

Beliau berkata bangsa Malaysia tidak kekurangan apa-apa dan percaya dalam bidang sukan, ada acara tertentu yang Malaysia boleh berjaya.

Mengaitkannya dengan Sukan Komanwel yang akan datang, beliau berkata negara ingin melihat atlet Malaysia berjaya, yang boleh dicapai dengan semangat yang tinggi, bertungkus lumus berlatih untuk memenangi beberapa pingat dan mungkin menjadi juara dalam bidang tertentu.

"Itulah harapan kita...berlatih dan berlatihlah untuk kejayaan yang bukan sahaja untuk diri atlet itu sendiri tetapi juga untuk negara," katanya.

Berucap kepada hadirin yang memenuhi stadium itu, beliau berkata semangat amat penting untuk kejayaan seseorang walaupun orang itu sendiri menganggap dirinya tidak kuat dan berdaya.

Beliau yakin rakyat Malaysia yang bertubuh kecil dapat menjuarai bidang tertentu yang sesuai seperti angkat berat dan renang, bukan sahaja bagi pertandingan dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa seperti Komanwel dan Olimpik.

Perdana Menteri beberapa kali menegaskan pentingnya semangat juang dan keinginan yang tinggi untuk mencapai kejayaan yang tidak mustahil jika disertai latihan yang bersungguh-sungguh.

Buktinya, kata beliau, ialah kejayaan Malaysia menakluki puncak Everest dan juga Khutub Utara yang kedua-duanya merupakan rekod bagi negara-negara di kawasan tropika.

Walaupun beberapa kejayaan yang telah dicapai dalam bidang sukan, Dr Mahathir berkata jelas sekali Malaysia belum sampai ke tahap tertinggi yang boleh dicapai.

Beliau berkata dalam bidang sukan, tahun demi tahun, rekod demi rekod akan dapat dipecahkan dan jika disertai semangat perjuangan yang lebih tinggi, kejayaan yang lebih baik akan dapat dicapai.

Menteri Besar Selangor Datuk Haji Abu Hassan Omar sebelum itu berkata walaupun penganjuran Sukma oleh Selangor kali ini dibuat dengan perbelanjaan yang hampir separuh dikurangkan, ia tetap memperlihatkan pencapaian yang membanggakan.

Katanya, 76 rekod Sukma dicatatkan kali ini iaitu 27 dalam acara angkat berat, menembak (13), olahraga (21) dan renang (15).

Bagi rekod kebangsaan pula, 13 rekod dipecahkan iaitu angkat berat (6), olahraga (1) dan renang (6).

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan anugerah kepada Selangor yang muncul johan keseluruhan dengan memenangi 80 pingat emas. Selangor buat pertama kalinya memperkenalkan piala pusingan bagi negeri yang muncul juara iaitu Piala Perdana Menteri.

Yang turut hadir pada majlis penutup itu ialah Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon. Sukma ke lapan akan diadakan di Pulau Pinang pada tahun 2000.

Upacara penutup yang disertai dengan perarakan masuk kontingen-kontingen yang bertanding turut diserikan dengan persembahan kebudayaan dan nyanyian.

--BERNAMA

MNY AZH WAT